



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN LALUAN PROJEK MENAIKTARAF PERSIMPANGAN JALAN FT 29/31 DAERAH SEPANG SELANGOR DARUL EHSAN

Kementerian Kerja Raya memaklumkan **Jalan Persekutuan FT29** iaitu jalan utama menghubungkan Pusat Bandar Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) akan dibuka kepada umum mulai **21 April 2020 (Selasa) jam 12.00 tengah hari**. Jajaran jalan ini turut menghubungkan kawasan Putrajaya, Cyberjaya, Dengkil, dan Bandar Baru Salak Tinggi.

Secara keseluruhan, projek ini telah dapat disiapkan pada **16 Mac 2020**, iaitu awal 4 bulan dari tarikh siap sebenar iaitu pada 22 Julai 2020. Pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya, Pengarah Projek, Pihak Kontraktor, Perunding dan semua agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Diharapkan dengan pembukaan laluan, ianya akan dapat memberi manfaat kepada semua.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

20 APRIL 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Lampiran



PERSIMPANGAN FT29/FT31



PEMANDANGAN SISI JEJAMBAT DARI ARAH DENGKIL

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my